

# KERTAS PROJEK

**PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF BAGI PEGAWAI-  
PEGAWAI PENGURUSAN PERTENGAHAN KE-13, 2013**

**(13th EXECUTIVE DEVELOPMENT PROGRAMME FOR  
MIDDLE MANAGEMENT OFFICES), 2013**

***“DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA TRANSFORMASI  
LANSKAP MASYARAKAT BERILMU MELALUI BUDAYA  
MEMBACA”***

Awang Suip bin Haji Abdul Wahab  
Pegawai Bahasa Kanan  
Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam



# **DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA TRANSFORMASI LANSKAP MASYARAKAT BERILMU MELALUI BUDAYA MEMBACA**

## **ASBTRAK**

Membaca adalah asas penting untuk kehidupan manusia terutama dalam proses pembelajaran, melahirkan insan intelek dan membentuk masyarakat berilmu. Melalui tabiat membaca dapat membentuk wasiah untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dari bahan bacaan dalam apa jua bentuk sumber bacaan sama ada diterbitkan dalam bentuk cetakan atau pun media. Amalan gemar membaca dapat mengkonstruksi **lanskap masyarakat berilmu**, dengan adanya ilmu pengetahuan manusia dapat mentransformasi kejayaan gemilang. Kegiatan Memperkasa Budaya Membaca merupakan agenda Negara yang menjadi tanggungjawab Negara bangsa terutama institusi yang berkepentingan kerana melalui pembacaan akan dapat mencorak **lanskap daya berfikir masyarakat berwawasan**.

### **1. PENGENALAN**

“Mengikut satu kajian, ada di antara negara membangun, mempunyai kadar penduduknya yang membaca, hanya satu baris dalam setahun, atau paling banyak setengah muka surat setahun.

Di antara negara maju pula, kadar penduduknya yang membaca, ada yang satu muka surat dalam setahun. Dan kita pula, walaupun belum ada kajian, mungkin saja di bawah kategori satu baris setahun, atau tidak lebih dari satu baris setahun. Jika ini betul, maka pembudayaan membaca adalah satu perkara besar yang patut diutamakan di dalam program pembangunan negara kita.

Jadi kalau begitu, adalah menjadi tanggungjawab negara untuk menjadikan penduduk negara ini betul-betul berilmu, dalam erti kata, menerima dan memperolehi ilmu itu melalui pendidikan dan pembacaan”

(Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Perasmian Majlis Ilmu sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-65 Tahun pada tahun 2011)

Berdasarkan petikan titah di atas begitu jelas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merasa bimbang dan khuatir akan sikap masyarakat di Negara ini tentang tabiat atau amalan budaya membaca. Baginda amat khuatir masyarakat di Negara ini termasuk di bawah kategori membaca satu baris dalam setahun atau tidak lebih satu baris dalam setahun. Jika perkara ini berlaku, baginda menegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Negara untuk membentuk masyarakat berilmu melalui pendidikan dan pembacaan. Dalam hal ini Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyahut seruan titah Baginda dengan mengadakan pelbagai kegiatan ke arah **Memperkasa Budaya Membaca** dan menyediakan pelbagai kemudahan atau infrastruktur bagi memudahkan masyarakat di negara ini memperolehi sumber bacaan yang berguna dan berfaedah.

Apa yang pasti **Budaya Membaca** dalam kalangan masyarakat di negara dapat mendukung pelaksanaan Wawasan Negara 2035, di samping dapat membentuk masyarakat Brunei yang berpendidikan, masyarakat berilmu, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi, ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan selaras dengan Wawasan Negara 2035.

Dalam kajian ini terdapat Lima kata kunci yang menjadi dasar utama dalam kajian iaitu, **Dewan Bahasa dan Pustaka, Transformasi, Lanskap, Masyarakat Berilmu, dan Budaya Membaca**.

Lima kata kunci dirangkai dalam sebuah kajian yang menjadi pokok persoalan dalam petikan titah di atas dan seterusnya menunjang pada Wawasan Negara 2035.

**Dewan Bahasa dan Pustaka** merupakan sebuah Institusi Kerajaan yang dibentuk pada tahun 1961 dikenali sebagai “Lembaga Bahasa” di bawah Jabatan Pelajaran, Brunei Darussalam. Penubuhannya dihasratkan bagi untuk melaksanakan, meninggikan dan mendaulatkan Bahasa Melayu dalam usaha mendokong Perlembagaan Negeri Brunei 1959, Bab 82 (i), Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara. Dewan Bahasa dan Pustaka menekuni empat bidang utama iaitu, Bahasa, Sastera, Penerbitan dan Perpustakaan. Keempat-empat bidang saling mendukung usaha pendaulatan bahasa Melayu dan kegiatan budaya membaca.

**Transformasi** bermaksud perubahan secara keseluruhan atau perubahan seluruhnya termasuk bentuk, sifat, sikap, minda, keadaan dan sebagainya. Dalam kajian ini, melihat usaha Dewan Bahasa dan Pustaka dalam mentransformasi masyarakat ke arah masyarakat berilmu dan masyarakat yang suka membaca. Manakala **lanskap** bermaksud suatu pemandangan luaran atau permukaan bumi di atas daratan yang dihasilkan dari keadaan semula jadi atau binaan. Tetapi lanskap dalam kajian ini lebih merujuk kepada corak atau latar budaya sesebuah masyarakat, kajian ini khusus melihat lanskap masyarakat yang tidak berilmu kepada masyarakat berilmu dan lanskap masyarakat yang tidak gemar membaca kepada masyarakat yang gemar membaca.

Kata kunci terakhir iaitu **Budaya Membaca** bermaksud adalah suatu kebiasaan yang di dalamnya terjadi proses berfikir yang kompleks, terdiri dari sejumlah kegiatan seperti keterampilan menangkap atau memahami kata – kata atau kalimat yang tertulis, menginterpretasikan, dan merefleksikan. Selanjutnya Sutarno (2006:27), mengemukakan bahwa budaya baca adalah suatu sikap dan tindakan atau perbuatan untuk membaca yang dilakukan secara teratur dan berkelanjutan. Kata kunci kajian ini jelas merampung intipati petikan titah di atas, seperti yang dihasratkan Baginda untuk melihatnya rakyatnya berilmu melalui pembacaan.

Kajian ini pada dasarnya merujuk khusus pada permasalahan negara menuju wawasan 2035 ke arah masyarakat berilmu. Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai latar kajian ditinjau dalam pelaksanaan kegiatan Memperkasa Budaya Membaca yang telah diusahakan dan kegiatan masa

depan yang telah dirancang. Apakah usaha Dewan Bahasa dan Pustaka telah mencapai puncak? atau masih dalam proses pendakian! atau berarak lalu ditiup angin! Bagaimana penerimaan dan penglibatan masyarakat? Apakah kesannya pada budaya fikir masyarakat? Bagaimana pula dukungan dan penglibatan institusi lain sama ada dari Institusi Kerajaan atau Badan Bukan Kerajaan? Kajian ini diusahakan untuk memperjelas permasalahan ini.

Wawasan Brunei 2035 berhasrat menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia dengan:

- i. Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.
- ii. Kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi; dan
- iii. ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Kajian ini jelas mempunyai hubungkait rapat dengan Wawasan Negara 2035 dan petikan titah di atas dengan maksud perkara i, iaitu Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Penjelasan maksud Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat-sangat menginginkan rakyat dan penduduk di negara ini betul-betul berilmu, memperolehi pendidikan yang sempurna dan memiliki sumber bacaan yang tepat dan bermanfaat.

## **2. DASAR PENUBUHAN DBP**

2.1. Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam adalah aspirasi Perlembagaan Negeri Brunei 1959, Bab 82 (i), yang menyatakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara. Penubuhan Lembaga Bahasa di bawah Jabatan Pelajaran 1961 yang kemudian dikenali sebagai Bahagian Bahasa dan Pustaka, menjadikannya sebagai Institusi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam memartabatkan Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu. Pada tahun 1965 Bahagian Bahasa dan Pustaka diangkat sebagai sebuah jabatan baru iaitu Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka.

2.2. Selaras dengan peranan dan tanggungjawab Dewan Bahasa dan Pustaka, penubuhannya pada tahun 1961 berdasarkan lima dasar utama iaitu:

- 2.2.1. Berusaha dan berikhtiar mengembangkan dan meninggikan Bahasa Melayu;
- 2.2.2. Mensesuaikan pemakaian Bahasa Melayu yang dijadikan Bahasa Rasmi Negara mengikut kehendak dan semangat Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dalam Bab 82 (i);
- 2.2.3. Mengeluarkan atau menentukan pengeluaran buku;
- 2.2.4. Menyatupadukan ejaan dan sebutan dan menyatupadukan perkataan teknikal dalam Bahasa Melayu; dan
- 2.2.5. Menggalakkan orang-orang yang berkebolehan dalam mempelajari Bahasa Melayu.

2.3. Kelima dasar utama ini hingga sekarang menunjang pada bidang-bidang yang ditekuni terutama sekali dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara. Dan tidak lari dari kegiatan membudayakan serta meningkatkan tabiat suka membaca melalui kegiatan keperpusakaan dan kegiatan kesasteraan.

### **3. PERANAN DBP KE ARAH BUDAYA MEMBACA MELALUI BIDANG-BIDANG YANG DITEKUNI**

3.1. Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Institusi Induk Kegiatan Budaya Membaca menyalurkan kegiatan ini melalui empat bidang utama yang tekuni.

#### **3.1.1. KEBAHASAAN**

3.1.1.1. Kegiatan yang dilaksanakan berhubungkait dengan hal-hal kebahasaan, mendaulatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara seperti yang tercatat dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959, Bab 82 (i).

3.1.1.2. Kegiatan yang telah dilaksanakan mempunyai hubungkait dengan kegiatan Memperkasa Budaya Membaca. Antara kegiatan yang telah dilaksanakan:

3.1.1.2.1. Syarahan MABBIM, 2011.

3.1.1.2.2. Seminar Bahasa Melayu (MABBIM), 2012.

3.1.1.2.3. Kongres Bahasa dan Budaya Melayu, 2011.

3.1.1.2.4. Forum Kepelbagaian Budaya, 2013.

3.1.1.2.5. Peraduan Pidato *You Tube*, 2013.

3.1.1.2.6. Peraduan Menulis Esei ASEAN, 2013.

### 3.1.2. KESUSASTERAAN

3.1.2.1. Sastera merupakan medium terbaik dalam mengangkat kedaulatan bahasa Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka menggunakan medium sastera sebagai “tools” dalam mendaulatkan dan mengangkat martabat bahasa Melayu dan secara tidak langsung mengangkat kesusasteraan Melayu.

3.1.2.2. Seni pengucapan sastera merupakan kegiatan sastera yang menjurus pada kegiatan Memperkasa Budaya Membaca. Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai Projek Pantara Sastera DBP, yang mengandungi kegiatan seni sastera, diadakan setiap hujung bulan.

3.1.2.3. Beberapa buah kegiatan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka khususnya kegiatan sastera yang memfokuskan kepada Budaya Membaca dan mampu menarik minat penggiat seni dan masyarakat tanah air;

3.1.2.3.1. Projek Pantaran Sastera DBP

- 3.1.2.3.1.1. Pengucapan Seni Sastera.
- 3.1.2.3.1.2. Persembahan Baca Naskhah (Cerpen/Novel).
- 3.1.2.3.1.3. Persembahan Baca Sajak.
- 3.1.2.3.1.4. Peraduan Adaptasi Cerpen ke Teater.
- 3.1.2.3.1.5. Persembahan “Rumah Pusaka”.
- 3.1.2.3.1.6. Bicara Buku Sastera.
- 3.1.2.3.1.7. Dudun Sastera.

3.1.2.4. Pertemuan Sasterawan Brunei 2014.

3.1.2.5. Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara.

3.1.2.6. Festival Teater MASTERA 2013.

3.1.2.7. Projek yang dirancang:

- 3.1.2.7.1. Pertemuan Penulis / Penyair ASEAN 2014.
- 3.1.2.7.2. Pengucapan Puisi ASEAN 2014.
- 3.1.2.7.3. Seminar / Bengkel / Festival Pantun MASTERA, 2014.

**3.1.3. PENERBITAN**

3.1.3.1. Salah satu dasar penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka ialah “Mengeluarkan atau menentukan pengeluaran buku”. Ke arah ini Dewan Bahasa dan Pustakan telah berusaha untuk mencapai kouta penerbitan

sebanyak 100 tajuk setiap tahun dengan penerbitan buku yang berkualiti dan bermanfaat untuk jadi bacaan masyarakat.

3.1.3.2. Setakat ini Dewan Bahasa dan Pustaka telah berusaha menerbitkan buku dalam bahasa Inggeris, Arab dan Mandrin. Perkara ini dilakukan bagi memenuhi kehendak pembaca yang bukan berbangsa dan berbahasa Melayu. dan bagi memenuhi pasaran antarabangsa.

3.1.3.3. Dewan Bahasa dan Pustaka menjadi ahli kepada persatuan penerbit buku Asia iaitu:

3.1.3.3.1. APPA – *Asia Pacific Publishers Association*.


3.1.3.3.2. ABPA – *Asia Pacific Publishers Association*..

3.1.3.4. Pesta Buku Antarabangsa Brunei merupakan kegiatan tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, diadakan pada hujung bulan Februari dan awal bulan Mac selama 10 hari. Penetapan tarikh merupakan jadual pesta buku yang diselaraskan oleh Persekutuan Penerbit Buku Asia Tenggara, penetapan tarikh dirancang bagi mengelakan pertembungan Pesta Buku dirantau Asia. Penyertaan tokoh-tokoh buku bukan saja di peringkat Asia malah melarat ke negara Timur Tengah dan Eropah. Dalam catatan setiap tahun pengunjung Pesta Buku melebihi 60 ribu orang pengunjung. Di samping penjualan buku, turut dipamerkan buku terbitan di bawah *Asia Pacific Publishers Association* (APPA) dan *Asia Pacific Publishers Association* (ABPA).

### 3.1.4. PERPUSTAKAAN

3.1.4.1. Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan institusi kerajaan yang berperanan penting dalam memupuk dan menggalakan budaya gemar membaca di kalangan masyarakat di negara ini. Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka telah dibentuk pada tahun 1963 dengan hasrat menjadikannya sebagai pusat yang menangani hal ehwal perpustakaan di peringkat nasional dan global.

3.1.4.2. Pepustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka sehingga hujung tahun 2012 memiliki 678,982 naskhah buku; Buku Bahasa Melayu 406,333 naskhah, Buku Bahasa Inggeris 271,378 naskhah, Buku Lain-lain Bahasa 1,271 naskhah.



3.1.4.3. Bahagian Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan Bahagian utama sebagai penggerak kempen Budaya Membaca di Peringkat Negara. Bahagian ini berusaha memupuk tabiat suka membaca bermula dari kalangan kanak-kanak dan muda mudi.

3.1.4.4. Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyediakan pelbagai kemudahan dengan membina perpustakaan pusat, perpustakaan cawangan di keempat-empat daerah, perpustakaan komuniti dan sudut-sudut bacaan di rumah panjang dan balai ibadat yang mudah diakses oleh penduduk dan masyarakat di negara ini. Setakat ini terdapat sebuah Perpustakaan Pusat, lapan buah perpustakaan cawangan dan perpustakaan Komuniti di kempat-empat daerah.

3.1.4.5. Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka ada menyediakan beberapa perkhidmatan seperti:

3.1.4.5.1. Perkhidmatan Perustakaan Kanak-Kanak.

3.1.4.5.2. Perkhidmatan Perpustakaan Muda-Mudi.

3.1.4.5.3. **Perkhidmatan Peminjaman** membenarkan setiap ahli untuk meminjam 5 buah buah dalam jangak waktu yang ditetapkan.

3.1.4.5.3.1. **Sistem Pinjaman Kelompok** menyediakan sekitar 100 ke 200 buah buku bagi keperluan jabatan-jabatan kerajaan dan sekolah-sekolah yang memerlukan. Buku-buku dipinjamkan dalam jangka waktu 1 bulan di bawah program Masyarakat Membaca dan Berilmu.

3.1.4.5.3.2. **Sistem Pinjaman Keluarga** merupakan salah satu usaha ke arah masyarakat suka membaca. Sistem ini diusahakan bagi mengisi ruang waktu acara keraian keluarga seperti majlis perkahwinan.

3.1.4.5.3.3. **Ihsan Buku** merupakan program mewakafkan buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Program ini menggalakan untuk orang ramai membeli dan mewakafkan buku-buku di sudut bacaan seperti masjid, surau, dan sekolah ugama. Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyumbang buku-buku terbitannya di rumah Ketua Kampong Kapok, Sekolah Rendah Penanjong dan Pusat Pemulihan Al-Islah, Kupang dengan tujuan mengalakan masyarakat membaca.


3.1.4.5.4. **Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak** di Sekolah-Sekolah di keempat – empat daerah, setakat ini terdapat 59 buah pusat perhentian dikunjungi setiap bulan.

3.1.4.6. **Sudut Bacaan**, tiga buah Sudut Bacaan Rumah Panjang di Daerah Temburung, sebuah Sudut Bacaan Rumah Panjang di Daerah Belait dan Sudut Bacaan Balai Ibadat di Daerah Tutong.

3.1.4.7. **Mukim Buku** merupakan usaha baru yang sedang diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan tujuan menambah pasaran membaca yang

sedia ada. Mukim Buku akan dibina di Mukim Liang, Daerah Belait dan Mukim Gadong A, Daerah Brunei Muara dan dijangka siap pada awal tahun 2014.

### 3.1.5. Catatan Kunjungan Orang Ramai Ke Perpustakaan 2012.



## 3.2. Persidangan Kebangsaan Memperkasa Budaya Membaca,

3.2.1. Persidangan dua hari itu membentang 17 kertas kerja yang terdiri dari daripada lima orang pembentang luar negara iaitu dari Singapura, Korea Selatan, New Zealand, Australia dan Jepun sementara 12 kertas kerja tempatan termasuk ucaptama yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, Brunei Darussalam. Persidangan ini dianjurkan bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah dan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam.

3.2.2. Hasil dari persidangan tersebut beberapa resolusi telah disepakati berdasarkan tiga bidang iaitu Bidang Pendidikan, Bidang Sosial dan Bidang Perpustakaan. Pada

kertas kajian ini hanya diperturunkan resolusi yang difikirkan memiliki keutamaan untuk dilaksanakan dengan kadar tindakan segera, Resolusi lengkap dilampirkan.

### 3.2.2.1. Bidang Pendidikan

- 3.2.2.1.1. Mengungkayahkan aktiviti membaca di sekolah pada waktu pagi sebelum memulakan pembelajaran.
- 3.2.2.1.2. Melengkapkan para pelajar dan belia-belia dengan ilmu melalui pembacaan untuk menjadi manusia berjaya.
- 3.2.2.1.3. Mengadakan promosi pembacaan dalam kalangan kanak-kanak bagi menarik minat membaca.
- 3.2.2.1.4. Menjadikan kegiatan membaca sebagai sesuatu yang mudah dan menyeronokkan.

### 3.2.2.2. Bidang Sosial

- 3.2.2.2.1. Mewujudkan jaringan kolaberatif di semua agensi dalam Memperkasa Budaya Membaca.
- 3.2.2.2.2. Membuat kajian jangka panjang terhadap budaya membaca.
- 3.2.2.2.3. Menwujudkan Majlis Buku Kebangsaan (*Book Council*) yang berperanan untuk mencipta pembaca dalam kalangan masyarakat Brunei.
- 3.2.2.2.4. Mewujudkan interaksi secara atas talian (*online*) dengan membuat Program *Digital Literacy*.
- 3.2.2.2.5. Membina kemahiran membaca sejak kecil lagi seperti program *Book Start*.
- 3.2.2.2.6. Mengadakan ruang khas untuk untuk membaca di tempat-tempat strategik seperti gedung-gedung perniagaan dan tempat-tempat riadah.
- 3.2.2.2.7. Mengurangkan kos penghantaran buku ataupun majalah-majalah kepada pelanggan.

### 3.2.2.3. Bidang Perpustakaan

- 3.2.2.3.1. Mengadakan perpustakaan kanak-kanak yang berfungsi sebagai muzium buku.

3.2.2.3.2. Menjadikan perpustakaan lebih kreatif, inovatif, interaktif dan bersifat eksploratif bagi memanggil lebih ramai pengguna.

#### **4. TINJAUAN AMALAN BUDAYA MEMBACA DI KALANGAN MASYARAKAT**

##### **4.1. Kaji Selidik.**

4.1.1. Bagi menghasilkan kajian yang berkesan, satu kaji selidik telah dilaksanakan dengan menyediakan beberapa soalan dan telah disebarluaskan melalui e mail dan cetakan di kalangan pegawai Perkhidmatan Awam, guru-guru, mahasiswa/i dan pengunjung perpustakaan. Alhamdulillah seramai 34 orang telah memberi respon dan pandangan yang baik dalam kaji selidik ini.

4.1.2. Contoh Soalan Kaji Selidik (dilampirkan).

4.1.3. Hasil kaji selidik berdasarkan soalan yang diberikan, respon dari 34 orang yang terdiri dari 11 orang lelaki dan 23 orang perempuan, keseluruhannya rakyat tempatan dalam lingkungan usia 25-60 tahun, berpendidikan dari peringkat “O” level hingga Ijazah Sarjana, terdiri dari mahasiswa/i dan anggota Perkhidmatan Awam dengan pendapatan bersih di bawah \$5,000.00 dan di bawah \$1,500.00.

4.1.4. Berdasarkan rumusan hasil kaji selidik dapat disimpulkan perkara berikut:

4.1.4.1. Rata-rata kebanyakan mereka menghabiskan waktu lapang dengan aktiviti membaca, menonton TV, melayari internet dan bersenam. Dan hampir keseluruhanya menyatakan membaca pada setiap hari dalam lingkungan purata 3 hingga 5 jam seminggu.

4.1.4.2. Dari respon yang diterima mereka yang berumur lingkungan 25 tahun ke 40 tahun lebih gemar membaca bahan digital manakala generasi yang lebih berumur 40 tahun ke atas lebih gemar membaca bahan cetakan dan bahan

mereka adalah surat khabar dan buku ilmiah. Manakala generasi muda lebih gemar membaca majalah, komik dan bahan dari laman sesawang.

4.1.4.3. Secara purata respon yang diterima hampir keseluruhan mereka hanya membaca di bawah 10 buah buku dalam masa setahun dan namun ada juga beberapa orang yang membaca lebih 20 buah buku dalam masa 12 bulan.

4.1.4.4. Terdapat jarak antara mereka yang suka membaca dan tidak suka membaca buku dinilai dari koleksi buku peribadi, ada beberapa orang yang memiliki buku di bawah 5 naskhah dan beberapa orang memiliki lebih 50 naskhah buku, dan majoritinya memiliki antara 26-50 naskhah buku. Buku-buku keagamaan, kreatif dan bermaklumat menjadi kegemaran mereka. Ramai dari mereka mendapatkan buku dari kedai dalam dan luar negeri dan mereka membeli buku berdasarkan karya penulis, rekomendasi kawan-kawan dan iklan.

4.1.4.5. Mengenai Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka penilaian secara keseluruhannya dalam lingkungan baik sahaja. Kekurangan ini merupakan salah satu alasan kurangnya minat suka membaca di kalangan masyarakat masa kini. Beberapa hal yang menjadi kekangan turut dikongsi dalam kaji selidik:

4.1.4.5.1. Masalah kekurangan masa.

4.1.4.5.2. Masalah kekangan kewangan untuk mendapatkan buku berkualiti yang dijual dengan harga yang mahal.

4.1.4.5.3. Kurangnya buku berkualiti di Perpustakaan awam.

4.1.4.5.4. Sukar untuk mendapatkan buku terkini di kedai buku tempatan.

4.1.4.5.5. Sistem penafisan buku terlalu ketat dan proses kelulusan membawa masuk buku-buku dari luar negeri memakan waktu yang lama.

4.1.4.5.6. Pengaruh keseronokan permainan maya dan gajet mengurangkan minat generasi mudah untuk mengunjungi perpustakaan.

4.2. Pemantauan.

- 4.2.1. Pendapat Orang Ramai mengenai membaca dan bagaimana menggalakan orang ramai membaca dari hasil kaji selidik.
  - 4.2.1.1. Membaca menyeronokan dan boleh meningkatkan ilmu pengetahuan.
  - 4.2.1.2. Harus pandai membahagi masa membaca dengan tugas dan tangungjawab seharian.
  - 4.2.1.3. Ibu bapa harus menggalakan dan menanam minat membaca di kalangan anak-anak sejak dari kecil lagi.
  - 4.2.1.4. Membanyak sumber bacaan dan mudah mendapatkannya di kedai, pepustakaan, dan sudut bacaan awam.
  - 4.2.1.5. Menubuhkan kelab membaca.
  - 4.2.1.6. Memberi elaun buku di kalangan anggota perkhidmatan awam.

4.2.2. Kegiatan Memperkasa Budaya Membaca.

- 4.2.2.1. Berikut dicatat beberapa pandangan untuk membantu Dewan Bahasa dan Pustaka dalam membantu meningkatkan kegiatan Memperkasa Budaya Membaca:
  - 4.2.2.1.1. Menerbitkan buku-buku berkualiti sebanding dengan buku-buku terbitan luar negeri.
  - 4.2.2.1.2. Mengadakan kempen galakan membaca, Bulan Membaca, Tahun Membaca dari masa ke semasa.
  - 4.2.2.1.3. Melengkapkan kemudahan perpustakaan dengan pelbagai jenis bacaan yang menarik minat kalangan generasi muda.
  - 4.2.2.1.4. Menggalakan kanak-kanak mengikuti kegiatan membaca.
  - 4.2.2.1.5. Pernan media massa dalam membantu Dewan Bahasa dan Pustaka melaksanakan kegiatan Memperkasa Budaya Membaca.
  - 4.2.2.1.6. Dewan Bahasa dan Pustaka harus berkerjasama dengan institusi lain sama ada badan kerajaan atau pun bukan kerajaan.
  - 4.2.2.1.7. Mengadakan kegiatan yang boleh dikuti di semua peringkat umur dan kegiatan dilaksanakan di tempat awam atau pusat mebeli-belah.

- 4.2.2.1.8. Membentuk perpustakaan seperti dalam *cyber cafe* bagi menarik minat generasi Y dan genearasi Z.
- 4.2.2.1.9. Membuat perpustakaan atau sudut bacaan di kompleks membeli belah.
- 4.2.2.1.10. Jangkas masa panjang, melatih pegawai yang berkemahiran mengajar bacaan *phonics* dan memberikan latihan bacaan kepada Orang Kurang Upaya dan Orang berkeperluan Khas.
- 4.2.2.1.11. Membina Persekutuan perpustakaan ke arah pembacaan yang kodisif dan mesra pengguna.
- 4.2.2.1.12. Menambah jumlah pinjaman buku terutama di kalangan pelajar.
- 4.2.2.1.13. Kemudahan akses kepada bahan-bahan bermutu tanpa membebankan pelajar.
- 4.2.2.1.14. Memperkenalkan program yang menarik dan berterusan di perpustakaan seperti kelab membaca (*book reading and story telling session*).
- 4.2.2.1.15. Memperbanyak sudut bacaan di komplek membeli belah, hospital, klinik, hotel, dan bank.
- 4.2.2.1.16. Pertandingan perpustakaan mini tercantik di rumah-rumah persendirian.
- 4.2.2.1.17. Menyediakan peti-peti buku bagi memudahkan orang ramai yang ini menderma atau menyumbangkan buku-buku mereka.
- 4.2.2.1.18. Menyediakan surat-surat khabar untuk bacaan bersama di restoran-restoran atau di kedai-kedai makan.
- 4.2.2.1.19. Mewujudkan kelab **Pertukaran Buku** atau *Book swap* bagi penggemar buku yang mahu membaca buku tanpa mengenakan bayaran.
- 4.2.2.1.20. Mengadakan peraduan “*Collector’s Item books* atau pengumpul buku untuk tajuk-tajuk buku yang jarang diperolehi atau koleksi buku-buku dari penulis yang sama.
- 4.2.2.1.21. Memperbanyakkan permainan atau aktiviti yang membina keupayaan minda di samping menggalakan lagi budaya membaca seperti pertandingan cepat eja (*Spelling Bee*), permainan Saidina atau Sahibba.

- 4.2.2.1.22. Mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan mengwujudkan *reading period* seperti yang pernah diamalkan di sekolah dalam tahun 70-an.
- 4.2.2.1.23. Mengundang pakar motivasi dalam bidang pembacaan untuk memberikan ceramah mengenai keberkesanannya membaca.
- 4.2.2.1.24. Aktiviti membaca yang berterusan dengan insentif sebagai galakan.

## 5. CABARAN DAN MASALAH

- 5.1. Hasil dari kaji selidik dan tinjauan kepada beberapa orang pengunjung Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, beberapa masalah dan cabaran telah dikemukakan, sehingga menghambat minat masyarakat pada bacaan. Perkara ini merupakan cabaran yang perlu diatasi. Berikut beberapa masalah dan cabaran pada sistem perundangan yang bersangkutan dengan buku-buku yang didatangkan dari luar negeri.
- 5.2. Rumusan dari hasil tinjauan rata-rata mengatakan buku-buku yang terdapat di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka tidak “*Up to date*”. Malah buku-buku yang terdapat di kedai-kedai buku tempatan bukanlah bersifat terkini. Kebanyakan buku-buku terbaru di pasaran luar negeri memakan jarak satu bulan ke tiga bulan baru terdapat di pasaran tempatan. Berdasarkan maklumat dari penjual buku tempatan, perkara ini terjadi disebabkan sistem peraturan negara yang mengawal ketat kemasukkan bahan cetak ke negara ini, terutama buku-buku yang diimport dari luar negara.
- 5.3. Masalah Penapisan
  - 5.3.1. Masalah ini banyak disuarakan oleh penggemar atau pengumpul buku-buku terbitan luar negeri. Kesukaran untuk membawa masuk buku melalui pos-pos kawalan atau di lapangan terbang sering kali membantutkan hasrat mereka untuk membawa masuk sendiri buku-buku yang diminati atau melalui pesanan pos. Beberapa perkara yang menjadi kekhawatiran mereka jika buku-buku yang dibawa sendiri atau dibeli melalui pesanan;

- 5.3.2. Buku-buku yang dibawa masuk melalui pos-pos kawalan, lapang terbang atau melalui kiriman mel pejabat pos akan diperiksa dan ditahan untuk proses penilaian. Proses penilaian kadang-kadang memakan waktu yang lama sehingga menyebabkan buku-buku tersebut bukan lagi buku yang hangat dipasaran.
- 5.3.3. Jika buku yang ditahan untuk dinilai tidak diluluskan sudah setentunya akan merugikan si pembeli. Harga buku sekarang terlalu mahal.
- 5.3.4. Didapati penilai yang bertugas tidak memiliki ilmu terhadap buku yang dinilai contohnya buku-buku sastera atau budaya, penilainya bukanlah seorang pegawai yang memiliki ilmu sastera atau budaya sehingga buku yang diperlukan dalam kajian tidak dibenarkan untuk dibawa masuk ke negara ini, wal hal buku-buku tersebut tidaklah melanggar akta terbitan yang tidak dingini malah amat diperlukan sebagai bahan kajian atau dapat baru dalam penyelidikan sastera dan budaya negara ini.
- 5.3.5. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
- 5.3.5.1. Akta terbitan-terbitan yang tidak diingini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 1986, di bawah kawalan Bahagian Pengawalan Hiburan Awam dan Penerbitan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Akta ini digubal bagi mencegah pengimportan, pengedaran atau penciptaan semula terbitan-terbitan yang tidak diingini dan bagi tujuan-tujuan yang berkaitan denganya.
- 5.3.5.2. Objektif penafisan buku, majalah, surat khabar, risalah, iklan dan sebagainya yang diedarkan kepada orang ramai tidak mengandungi bahan yang tidak dingini, bercanggah dengan adat istiadat, tata susila, agama dan moral yang boleh mempengaruhi dan mengelirukan fikiran orang ramai, serta memudaratkan ketenteraman awan, keselamatan negara dan raykat Negara Brunei Darussalam.

### 5.3.6. Pusat Dakwah Islamiah.

- 5.3.6.1. Unit Penapisan dan Kawalan Terbitan-Terbitan, Pusat Dakwah Islamiah bertanggungjawab melaksanakan penapisan bahan-bahan terbitan yang dibawa masuk ke Negara Brunei Darussalam, tidak bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah, adat istiadat, tata susila dan moral yang boleh mempengaruhi ketenteraman awam dan keselamatan negara.
- 5.3.6.2. Antara tugas Unit ini bertanggungjawab menapis dan mengawal setiap bahan terbitan yang dibawa masuk ke negara ini mengikut garis pandu yang ditetapkan di tujuh buah pusat Unit Penapisan dan Kawalan Terbitan-Terbitan. Meluluskan bahan-bahan terbitan yang tidak menyalahi akta dan melaksanakan pemeriksaan di permis-permis perniagaan. Unti ini juga bertanggungjawab mempamerkan dan melupuskan bahan-bahan yang menyalahi akta.

### 5.4. Harga Buku

- 5.4.1. Di samping masalah penapisan bahan terbitan, harga buku yang dijual di permis-permis perniagaan terlalu mahal, apatah lagi buku-buku yang hangat di pasaran antarabangsa dan buku-buku yang baru terbit. Keluhan mengenai perkara ini sering didengar lahir dari pengunjung Pesta Buku Brunei anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 5.4.2. Kos kiriman buku yang tinggi, jika membeli buku melalui atas talian seperti amazon.com dan sebagainya.

### 5.5. Kesukaran Untuk Mendapatkan Bahan Bacaan Yang Baik

- 5.5.1. Di negara ini kemasukkan buku-buku dari luar negeri, lambat berada beredar di pasaran lokal. Perkara ini disebabkan kesukaran permis tempatan untuk mendapatkan buku-buku yang baik, kos mendatangkan buku yang tinggi, kawalan penapisan yang ketat dan sistem penghantar yang lambat sampai ke negara ini.

## 6. PLAN TINDAKAN MEMPERKASA BUDAYA MEMBACA

6.1. Bagi mengatasi masalah ini, dan berdasarkan hasil kajian Pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka serta pemantauan perkembangan budaya membaca di negara maju. Dewan Bahasa dan Pustaka telah merancang untuk melaksanakan Program Literasi Awal tahun 2014 dengan sasaran menggalakan minat membaca bagi anak damit sejak dari kandungan ibunya. Program ini telah berjaya dilaksanakan oleh negara-negara maju di dunia.

## 6.2. Program Awal Literasi Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka

6.2.1. Program ini akan diungkayahkan melalui Bahagian Perpustakaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, khusus diperkenalkan kepada anak-anak damit yang baru lahir di negara ini.

6.2.2. Program ini dirancang bagi menggalakan budaya membaca dari awal di kalangan anak-anak damit yang baru lahir dengan tujuan pendedahan awal literasi kepada mereka tidak kira bangsa, kedudukan dan agama.

6.2.3. Matlamat program ini bagi menjunjung dan merealisasikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Perasmian Majlis Ilmu sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-65 Tahun pada tahun 2011, mengenai masalah budaya membaca di kalangan masyarakat negara ini, di samping untuk merealisasikan Wawasan Negara 2035 ke arah rakyat yang berilmu pengetahuan dan berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan yang berkualiti tinggi, dan mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

6.2.4. Objektif Program;

6.2.4.1. Untuk mendedahkan kanak-kanak dengan buku-buku sejak mereka dilahirkan, agar dapat membina tabiat suka membaca.

6.2.4.2. Menyuntik semangat kepada ibu bapa kanak-kanak tersebut termasuk ahli keluarganya yang lain mesra dengfan buku.

6.2.4.3. Untuk meningkatkan budaya membaca dalam kalangan kanak-kanak, ibu-bapa dan institusi keluarga.

6.2.4.4. Untuk melahirkan generasi yang suka membaca dan berinformasi pada masa akan datang sejajar Wawasan Negara 2035.

6.2.4.5. Mendekatkan masyarakat kepada perpustakaan.

#### 6.2.5. Sasaran

6.2.5.1. Sasaran utama Ibu-ibu mengandung dan anak damit mereka yang lahir di mana-mana hospital di Negara Brunei Darussala dan berdaftar di Kementerian Kesihatan dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

#### 6.2.6. Perisian

6.2.6.1. Satu pek permulaan *Bookstart* akan diberi kepada ibu mengandung, dengan beberapa buah buku untuk bacaan ibu mengandung untuk dibaca semasa mengandung dan beberapa buah buku untuk dibacakan kepada anak damit serta buku khusus untuk anak-anak damit dalam lingkungan umur 1-2 tahun.

#### 6.2.7. Tata Cara Penyelenggaraan


6.2.7.1. Ibu bapa diberikan pek *Bookstart* akan didaftarkan sebagai ahli perpustakaan dan dikenalai sebagai ahli Kelab *Bookstart*.

6.2.7.2. Ibu bapa akan diberi tunjuk ajar cara membacakan buku-buku kepada anak-anak damit.

6.2.7.3. Pustakawan akan mensyorkan buku-buku yang sesuai dengan peringkat umur anak-anak mereka untuk dijadikan bahan bacaan.

#### 6.2.8. Anggaran Kelahiran Anak Damit 2013

6.2.8.1. Menurut perangkaan Kementerian Kesihatan melalui Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, dianggarkan seramai 6,600 orang anak damit akan lahir sepanjang tahun 2013. Sejak tahun 2005 hingga 2010 perangkaan kehairan anak damit di Negara Brunei Darussalam seperti berikut;



6.2.9. Program ini diharapkan dapat merealisasikan misi Pepustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menjadikan Institusi Perpustakaan sebagai pusat ilmu pengetahuan, pusat kegiatan yang berkebajikan bagi masyarakat di negara ini. Program ini diharap dapat menimbulkan minat pengguna dengan perpustakaan dan menggunakan perpustakaan dalam mempupuk budaya membaca di kalangan masyarakat Brunei.

6.2.10. Untuk melaksanakan Dewan Bahasa dan Pustaka melalui kementerian Kebudayaan, Belia dan sukan akan berkerjasama

### 6.3. Pengalaman Negara Maju dalam Kegiatan Awal Literasi

6.3.1. London

6.3.1.1. Trafalgar Square London menjadi tuan rumah kepada festival membaca besar-besaran bagi keluarga untuk di menikmati musim panas tahun ini. Acara ini diberikan secara percuma dan berjaya menampilkan pengarang-pengarang terkenal dan selebriti membaca bersama-sama beribu-ribu kanak-kanak

disokong oleh skrin interaktif yang sangat besar. Perayaan ini diadakan pada 13 Julai 2013, adalah sebahagian daripada kempen celik huruf utama yang diketuai oleh London Evening Standard dan telah dianjurkan dengan kerjasama firma e-pembaca Nook.


Datuk Bandar London Boris Johnson berkata:

""I would like to see a London where kids are no longer illiterate at age 11. The target must be to stamp out illiteracy of 11-year-olds, and this is where the Standard's literacy campaign has done such pioneering work. Think of the potential - almost one in five kids are leaving primary school unable to read or write, think of what they would go on to achieve, think of the economic benefits that would bring to London if we could turn that round and turn these kids onto reading. I hope as many Londoners as possible can make it to Trafalgar Square for the giant read-a-thon packed full of literacy-boosting activities and famous book lovers." "

London Reading dilancarkan dua tahun yang lalu untuk membantu pembaca yang kurang berpendapatan dan setakat ini telah berjaya mengumpulkan dana sekitar 1 juta Pound Sterling termasuk 500,000 Pound Sterling daripada Kumpulan Wang Datuk Bandar untuk London. Wang yang menyokong hampir 700 sukarelawan membaca dilatih oleh rakan-rakan kempen Beanstalk Standard ini yang membantu lebih daripada 2,000 kanak-kanak di 290 buah sekolah-sekolah rendah di seluruh Bandar London.

6.3.1.2. Festival membaca di *Trafalgar Square London* pada 13-15 Julai 2013 telah berjaya menarik minat beribu kanak-kanak untuk hadir ke festival Tersebut. Pengajian festival *London Evening Standard* berjaya melaksanakan kempen celik huruf sejak dua tahun lepas, apabila wartawan akhbar mendapati satu dari empat kanak berumur 11 tahun yang tidak dapat membaca dan menulis. Kaedah menggunakan membaca bersama pengarang, artis dan

selebriti terkenal seperti Lily Cole, Rupert Everett dan Peppa Pig, Hugh Grant, Malorie Blackman, penulis Anthony Horowitz dan penulis/ilustrator Babette Cole, pelakon komedi duo Dick dan Dom, pemuzik Billy Elliot dan Joey, pelakon Warwick Davis berjaya menarik kehadiran beribu-ribu pembaca termasuk kanak-kanak.



### 6.3.2. Korea

6.3.2.1. *Bookstart* di Korea Selatan telah memberi pek buku kepada bayi sejak April 2003 di 99 buah kawasan (46%) di seluruh negara. Pakej *Bookstart* mencapai 120,000 bayi setiap tahun, dan jumlah itu meningkat setiap tahun. Program ini kini mencapai sekitar 120,000 bayi setahun melalui penghantaran di pusat-pusat kesihatan awam dan perpustakaan awam. Tambahan '*Bookstart Plus*' pek untuk kanak-kanak berusia 3-4-tahun telah dilancarkan pada tahun 2007 dan '*Bookstart Treasure Chest*' bagi kanak-kanak berumur lima dan enam tahun pada tahun 2008. Program ini menerima pembiayaan dari kerajaan tempatan dan perpustakaan awam serta derma daripada penyokong korporat. Yayasan Buku Kebudayaan mentadbir program ini. Penyelidikan oleh Seoul National University menilai kesan program pada perkembangan kanak-kanak pada tahun 2003 dan menghasilkan keputusan yang positif. *Bookstart* Korea bertujuan untuk mencapai setiap bayi yang dilahirkan di negara ini menjelang tahun 2013



### 6.3.3. Jepun

6.3.3.1. Bookstart di Jepun bertujuan untuk mewujudkan peluang-peluang untuk ibu bapa dan bayi untuk menghabiskan masa gembira bersama-sama dengan membenarkan mereka untuk mengalami kegembiraan. Menyediakan perkongsian buku mereka dan pek buku percuma. Peluang yang dibuat oleh perkongsian orang dan organisasi tempatan yang berkaitan, seperti perkhidmatan perpustakaan, pusat kesihatan, pusat sokongan keluarga dan sukarelawan tempatan, semasa pemeriksaan kesihatan bayi di pusat-pusat kesihatan tempatan apabila semua bayi yang dilahirkan di kawasan tertentu berkumpul bersama-sama. Bookstart pada asalnya diilhamkan di United Kingdom oleh pakar buku kanak-kanak, Cooling Wendy, pada tahun 1992, dan telah dipandu dan diselaraskan oleh Booktrust amal bebas. Kepentingan antarabangsa Bookstart terus berkembang dan kini diantar di banyak negara.

6.3.3.2. *Bookstart* di Jepun telah dilancarkan pada tahun 2000 dengan satu kajian perintis di Suginami-ku, Tokyo. Di Jepun, *Bookstart* dilancarkan di 1742 institusi pihak berkuasa tempatan seperti bandaraya, bandar-bandar, dan kampung-kampung berdasarkan keputusan mereka dan dibiayai dengan bajet mereka sendiri. *Bookstart* telah menarik ramai orang sejak itu dan 841 daripada 1742 (kira-kira 48%) pihak berkuasa tempatan kini mengendalikan *Bookstart* pada akhir Mei 2013.

6.3.3.3. Pek *Bookstart* mengandungi dua buah buku bayi, buku kecil nasihat untuk ibu bapa, permohonan kad perpustakaan, maklumat tempatan seperti senarai buku perpustakaan dan maklumat yang berguna untuk meningkatkan pengetahuan kanak-kanak dan anak damit. Semua dimasukkan ke dalam beg kapas dengan logo memerang laut di hadapan. Kandungan pek berbeza dari satu skim yang lain. Dalam banyak kes, seorang pustakawan atau ahli sukarela bercakap kepada satu keluarga, berkongsi buku dan risalah dengan anak damit semasa dalam pemeriksaan kesihatan anak damit pada tahap 3-4, 6-7 atau 9-10

bulan usia anak damit. Pusat sokongan Ibu Bapa adalah satu kemudahan awam, kanak-kanak pra sekolah boleh bermain dengan mainan dan buku-buku yang berkualiti dan ibu bapa boleh berjumpa dengan ibu bapa lain dan mendapatkan nasihat daripada profesional.



#### 6.4. Sudut Bacaan Di Tempat Awam

6.4.1. Berdasarkan pandangan dari hasil kaji selidik, beberapa cadangan supaya Dewan Bahasa dan Pustaka berkerjasama dengan agensi berkepentingan yang lain sama ada dirpada pihak Kerajaan mahu pun pihak badan bukan kerjaan, pihak swasta, dan institusi perniagaan. Hasil rumusan dari kaji selidik diperturunkan cadangan untuk tindakan, sebagai menyokong budaya membaca di kalangan masyarakat Brunei.

6.4.1.1. **Penyediaan Buku Di Tempat Awam** bermaksud menyediakan ruang atau rak buku di tempat awam bagi memudahkan penderma atau badan lain untuk menyumbang buku dan memudahkan pembaca untuk membaca buku sambil melakukan sesuatu kegiatan seperti di setesen Bas, kawasan riadah, pusat-pusat kesihatan, pusat membelia belah, pusat hiburan, bank-bank dan sebagainya.

6.4.1.2. **Surat Khabar Percuma di Restoran / Kedai Makan**, memerlukan kerjasama dari pemilik restoran atau kedai makan untuk memberi sumbangan kecil dari nilai pendapatan mereka dengan menyediakan surat-surat khabar sebagai bahan bacaan sambil menunggu pesanan makan.

6.4.1.3. **Ruang Bacaan di Kedai Buku**, memerlukan kerjasama pemilik permis atau kedai buku untuk menyediakan ruang kecil bagi kemudahan pengunjung untuk membaca buku sambil memilih buku untuk dibeli.

6.4.1.4. **Ruang Bersama Penulis di Kedai Buku**, menyediakan ruang kecil untuk penulis atau pengarang buku-buku yang dijual, berbual bicara dengan penulis atau peminat buku tanpa dikenakan bayaran. Perkara ini sememangnya pernah dan sedang dipraktikan di negara lain dan mencapai kejayaan dengan berjaya menarik ramai pengunjung ke permis atau kedai buku tersebut.

6.4.1.5. **Kedai Buku**, memberi kebenaran untuk membaca buku atau majalah yang dijual untuk pelangan membaca walaupun tidak membeli, dan tidak membalut dengan pelastik

## 6.5. Sokongan Pelbagai Institusi

6.5.1. Projek Memperkasa Budaya Membaca Dewan Bahasa dan Pustaka di kalangan masyarakat di negara ini hanya akan mencapai kejayaan jika mendapat sokong dari institusi lain. Dewan Bahasa dan Pustaka tidak akan dapat bertahan lama jika hanya bergerak sendiri.

6.5.1.1. **Institusi Kerajaan**, bermaksud institusi selain Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, seperti Kementerian Pendidikan yang bertanggungjawab mendidik anak bangsa menjadi bangsa berilmu. Penerapan budaya membaca di kalangan pelajar harus dijadikan agenda utama di samping tugas pelajar untuk menimba ilmu. Kementerian Kesihatan boleh membantu Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kegiatan membaca seperti menyediakan ruang atau rak buku atau sudut bacaan bagi pesakit atau penjaga pesakit di wad-wad, di pusat-pusat kesihatan dan di bahagian yang menjadi tumpuan orang ramai ketika menerima rawatan seperti pusat pergigian, bahagian pesakit luar dna sebagainya. Dan beberapa institusi kerajaan yang lain, menyediakan sudut bacaan tertutama di tempat yang menjadi tumpuan kunjungan orang ramai seperti Jabatan Imigresan dan Pendaftaran Kebangsaan, jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Buruh dan sebagainya.

6.5.1.2. Institusi Kerajaan yang berkepentingan dapat memberi kelonggaran terhadap sistem penapisan dan kawalan buku-buku yang dibawa masuk ke negara ini terutama buku-buku yang berbentuk kajian dan bahan kajian pelajaran atau pengkaji sesuatu bidang.

6.5.1.3. **Badan Bukan Kerajaan**, terdiri dari persatuan, pertubuhan, kelab, pihak swasta, institusi perniagaan. Pihak Badan Bukan Kerajaan amat berperanan dalam membantu Dewan Bahasa dan Pustaka melaksanakan kegiatan Memperkasa Budaya Membaca dengan mengendalikan kegiatan membaca di kalangan masyarakat di negara ini. Pihak Institusi perniagaan harus memberi ruang atau sudut bacaan di permis perniagaan atau kompleks membeli belah tanpa mengenakan bayaran sebagai sebahagian bentuk sokong terhadap kegiatan Memperkasa Budaya Membaca. Peniaga-peniaga Kedai Buku memberikan potongan harga yang sesuai kepada pembeli buku terutama kepada pelanggan tetap mereka yang membelanjakan wang mereka setiap bulan utnuk membeli buku.

6.5.1.4. **Rakan Luar Negeri**, Dewan Bahasa dan Pustaka disarankan untuk menjalin kerjasama dengan institusi luar negeri bukan saja dalam memasarkan buku malah membentuk jalinan kerja dalam menggalakkan budaya membaca. Membentuk kelab membaca atau kelab bertukar buku dengan rakan luar negeri bagi menambah kepelbagaiannya koleksi bahan bacaan yang bermanfaat.

## 6.6. Subsidi Harga Buku

6.6.1. Beberapa pandangan untuk memberikan pelbagai bentuk subsidi tentang pembelian buku, bagi menyelesaikan rungutan tentang harga buku yang terlalu mahal terutama buku-buku yang menjadi *Best Seller* di luar negeri. Subsidi ini termasuk untuk membeli buku teks atau buku kerja sekolah. Hasil kajian mendapat buku sekolah rendah berharga dalam lingkungan \$ 3.00 hingga \$ 10.00. Jika subsidi

ini diberikan sudah pasti dapat meringankan beban untuk membeli buku dan memberi ruang untuk masyarakat di negara ini berbelanja membeli buku.

Pengarah Urusan BookXcess, Adrew Yap berkata,

“Selagi pendapatan isi rumah rendah, maka tahap membaca juga akan rendah kerana galakan ke arah itu juga kurang. Ini kerana mereka tidak mampu memiliki banyak buku kerana mengutamakan perbelanjaan gaji mereka untuk keperluan rumah tangga dan kos pendidikan anak-anak,”

**6.6.1.1. Elaun Membeli Buku**, memberikan elaun buku kepada Anggota Perkhidmatan Awan setiap bulan bagi perbelanjaan membeli buku. Bagi mengelakan penggunaan perbelanjaan lain disarankan pembelian buku melalui tuntutan berdasarkan kadar elaun buku yang telah ditetapkan setiap bulan tidak dengan memberikan wang tunai pada setiap pembayaran gaji.

**6.6.1.2. Baucher Beli Buku**, di samping memberikan elaun beberapa cadangan untuk memberikan baucer buku bagi setiap keluarga untuk membeli buku atau bahan bacaan bagi keluarga mereka terutama kanak-kanak. Perkara ini bagi mengalakan masyarakat memiliki bahan bacaan dan menanamkan minat membaca di kalangan ahli keluarga mereka.

**6.6.2. Mengecualikan Setem atau Tuntuan Perkhidmatan Kiriman Buku dan Majalah**, bagi setiap kiriman atau pesanan buku dan majalah bagi yang dilanggan. Perkara ini boleh mengurangkan perbelanjaan pelanggan buku dan majalah.


## **6.7. Persatuan Pembaca**

**6.7.1. Kumpulan Betukar Buku**, membentuk kelab bertukar buku di peringkat lokal mahu di peringkat serantau. Perkara ini boleh juga dilakukan secara atas talian (*on line*). Kumpulan ini dapat memberi peluang kepada setiap ahli ruang untuk bertukar-tukar buku, dan dapat memiliki kepelbagai buku dan berpeluang membaca kepelbagai buku.

6.7.2. **Kelab Membaca**, menubuhkan kelab membaca di negara ini bagi menyamai minat membaca dikalangan masyarakat di negara ini terutama kepada kanak-kanak. Kelab ini disarankan untuk menyediakan kegiatan atau aktiviti membaca yang menyeronokan dan dapat menarik minat kanak-kanak untuk ikut serta pada kegiatan atau aktiviti yang diselenggarakan.

6.7.3. **Peti Sumbangan Buku**, menyediakan peti bagi memudahkan para penderma buku untuk menyumbangkan buku-buku yang telah selesai dibaca dan tidak diperlukan untuk disimpan lagi. Perkara ini juga sebagai sumbangan pembaca kepada pembaca lain dan secara tidak langsung boleh meningkatkan minat membaca di kalangan masyarakat negara ini.

## 7. KESIMPULAN



*"Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu Yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmu adalah Yang Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan kalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya."*  
**(QS. Al 'Alaq :1-5)**

Ilmu sebagai asas bagi pembangunan manusia merupakan perkara teratas dalam Islam. Surah Al-Alaq meletakan perkataan “Iqra” pada ayat pertama dalam surah tersebut yang bermaksud “bacalah”. Kalimah pertama yang diturunkan oleh Allah Subhanahu wa Taala kepada Nabi Muhammad Shallallahu Alaihi wa sallam agar umatnya membaca untuk menimba ilmu.

Anatar mahfum firman Allah Subhanahu wa Taala di atas jelas menyeru umat Islam untuk membaca dalam erti kata maksudnya mencari atau menimba ilmu. Membaca berdasarkan apa yang ditulis dengan kalam yakni pena. Perkara ini boleh ditafsirkan sebagai bangsa yang yang membaca adalah bangsa yang berilmu, selaras dengan apa yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Perasmian Majlis Ilmu sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-65 Tahun pada tahun 2011 untuk menjadikan masyarakat di negara ini berilmu pengetahuan sesuai dengan Wawasan Negara 2035.

Alhamdulliah Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah berjaya mengusahakan pelbagai kegiatan ke arah **Memperkasa Budaya Membaca**. Perkara ini sebenarnya tidak akan dapat mencapai matlamat seperti apa yang dihasrat oleh Negara. Dalam hal ini sudah setentunya dokongan atau sokong daripada pelbagai pihak amat diperlukan terutama dari Pihak Kerjaan yang berkepentingan dalam melaksanakan hasrat Negara menjadikan masyarakat Brunei sebagai masyarakat yang minat membaca. Dalam hal ini usaha perlu digiatkan lagi dalam mengubah set mida masyarakat yang malas membaca kepada masyarakat yang mencintai ilmu pengetahuan dan minat membaca. Kegiatan yang teratur dan bersistematik perlu disediakan termasuk mengikutsertakan kesemua golongan masyarakat di Negara ini dengan mengendalikan kegiatan yang mendekti kelompok masyarakat seperti di tempat awam contohnya setesen bas, rumah sakit dan kompleks membeli belah.

Institusi pendidikan juga diharapkan dapat mempertingkatkan lagi kegiatan ke arah menanamkan minat suka membaca di kalangan pelajar terutama di kalangan pelajar peringkat rendah (kanak-kanak). Bak kata pepatah “**Melentur Buluh Biar Dari Rebungnya**”. Jika pelajar di peringkat kanak-kanak sudah terdidik dalam minat membaca sudah setentunya minat ini akan terbawa-bawa hingga mereka di institusi pengajian tinggi.

Institusi keluarga merupakan institusi awal yang berperanan menyemai budaya membaca di kalangan anak-anak mereka terutama dari sejak mereka kecil lagi, malah dari sejak dalam kandungan lagi. Ibu berperanan menyemai budaya membaca kepada anak dalam

kandungannya dengan keadah yang teratur seperti mendengarkan bacaan al-Quran, mendengarkan penceritaan melalui alat padang dengar dan sebagainya. Ibu bapa harus menggalakan pemberian hadiah berupa buku pada setiap hari lahir dan setiap anak-anak mereka mencapai kejayaan. Sebagai langkah awal setiap keluarga harus memiliki ruang atau sudut bacaan atau perpustakaan mini di rumah mereka. Perkara ini merupakan kaedah yang berkesan dalam menanamkan minat membaca di kalangan anak-anak.

"Ibu-bapa 'bunuh' anak setiap hari?"

...

Kata-kata ikon, Tuan Yusof Gajah, bagaimana dorongan ibu bapa agar anak membaca, tapi membunuh dalam diam semangat anak membaca.

Pernah berlaku pada suatu hari saya ke toko buku.

Di ruang buku kanak-kanak menjadi kegemaran saya, seorang anak yang berumur 7 tahun dengan bangganya meminta ibunya membeli sebuah buku bergambar.

Setelah ibunya melihat buku bergambar tersebut lalu ia berkata pada anak tersebut, "**Buku ini tidak banyak tulisan, kita tukar sahaja dengan kamus.**"

Si anak terpegun, ibu merasa berjaya meyakinkan bahawa pilihannya tepat.

Saya tidak terkata.

Begitulah sikap sebahagian ibu bapa yang suka mematahkan semangat anak-anak mereka."

Di mana kedudukan kita sebagai ibu-bapa untuk memikirkan petikan di atas.

“Dalam tujuan itu, Kerajaan Kebawah DYMM telah memperuntukkan sebanyak BND300,000 bagi aktiviti-aktiviti mengembangkan budaya membaca bagi tahun kewangan 2012-2013.”

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Ucapan Perasmian Seminar Kebangsaan Memperkasa Budaya Membaca, 2012.

Kerajaan telah menyediakan sumber kewangan, di mana pula peranan kita sebagai masyarakat di Negara ini?

## BIBLIOGRAFI

Abdul Aziz bin OKML Haji Yussof (Haji), 2013. “Memperkasa Budaya Membaca Dari Sudut Perspektif Islam”. Kertas Kerja *Persidangan Kebangsaan Memperkasa Budaya Membaca 2103*. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Dewan Bahasa dan Pustaka:Bandar Seri Begawan. 13-14 Mac 2013.

Abu Bakar bin Haji Apong (Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang), 2013. “Kepentingan Membaca dalam Merealisasikan Wawasan Negara 2035”. Kertas Kerja *Persidangan Kebangsaan Memperkasa Budaya Membaca 2103*. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Dewan Bahasa dan Pustaka:Bandar Seri Begawan. 13-14 Mac 2013.

Asmah binti Haji Morni (Datin Dr. Hajah), 2013. “Bermain dalam Lanskap Pendidikan Prasekolah Sebagai Medium Memperkembangkan Kemahiran Letrasii”. Kertas Kerja

*Persidangan Kebangsaan Memperkasa Budaya Membaca 2103.* Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Dewan Bahasa dan Pustaka:Bandar Seri Begawan. 13-14 Mac 2013.

Emy Suriani binti Haji Hipney, 2013. Program BookStart, Dewan Bahasa dan Pustaka:Bandar Seri Begawan.

Fa'zah Ahmad, 2013. "Promoting The Reading Culture in Singapore". Kertas Kerja *Persidangan Kebangsaan Memperkasa Budaya Membaca 2103.* Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Dewan Bahasa dan Pustaka:Bandar Seri Begawan. 13-14 Mac 2013.

Keiko Harada, 2013. "Empowering Childrens Reading in Japan". Kertas Kerja *Persidangan Kebangsaan Memperkasa Budaya Membaca 2103.* Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Dewan Bahasa dan Pustaka:Bandar Seri Begawan. 13-14 Mac 2013.

Mohd Rozan bin Dato Paduka haji Mohd Yunos (Haji ), 2013. "Belia Membaca Belia Berjaya". Kertas Kerja *Persidangan Kebangsaan Memperkasa Budaya Membaca 2103.* Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Dewan Bahasa dan Pustaka:Bandar Seri Begawan. 13-14 Mac 2013.

Nellie DPH Sunny, 2013. “*Role to Librarians: Enhancing the Social and Cognative Benefits of Reading*”. Kertas Kerja *Persidangan Kebangsaan Memperkasa Budaya Membaca 2103*. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. 13-14 Mac 2013.

Norsenah binti Haji Mohd Nasir (Hajah), 2013. “Memperkasa Budaya Membaca dalam Kalangan Muda-Mudi dan Kanak-Kanak”. Kertas Kerja *Persidangan Kebangsaan Memperkasa Budaya Membaca 2103*. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. 13-14 Mac 2013.

Paula Kelly, 2013. “*Reading Matters! Empowering Nation Readers*”. Kertas Kerja *Persidangan Kebangsaan Memperkasa Budaya Membaca 2103*. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Dewan Bahasa dan Pustaka:Bandar Seri Begawan. 13-14 Mac 2013.

Rohanita binti Haji Yaakub (Hajah), 2013. “Pelaksanaan Penapisan Bahan Terbitan di Negara Brunei Darussalam: Pengalaman Pusat Da’wah Islamiah”. Kertas Kerja *Persidangan Kebangsaan Memperkasa Budaya Membaca 2103*. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Dewan Bahasa dan Pustaka:Bandar Seri Begawan. 13-14 Mac 2013.

Suraya Tarsat, 2013. “Memupuk Budaya Membaca Melalui kaedah Bercerita dalam Kalangan Kanak-Kanak”. Kertas Kerja *Persidangan Kebangsaan Memperkasa Budaya*

*Membaca 2103.* Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. 13-14 Mac 2013.

Sutarno NS, *Manajemen Perpustakaan*. Jakarta; Sagung Seto, 2006.

Wee Soo Yeo, 2013. “*Reading Culture in South Korea*”. Kertas Kerja *Persidangan Kebangsaan Memperkasa Budaya Membaca 2103.* Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Dewan Bahasa dan Pustaka:Bandar Seri Begawan. 13-14 Mac 2013.

### Sumber Bacaan:

“Isu-Isu yang Bertentangan dengan Sensetiviti Negara Brunei Darussalam yang Berpandukan Kepada Akta Terbitan-Terbitan yang Tidak Diingini”. 2013. Kertas Kerja *Persidangan Kebangsaan Memperkasa Budaya Membaca 2103*. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Dewan Bahasa dan Pustaka:Bandar Seri Begawan. 13-14 Mac 2013.

Resolusi, 2013. *Persidangan Kebangsaan Memperkasa Budaya Membaca 2103*. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Dewan Bahasa dan Pustaka:Bandar Seri Begawan. 13-14 Mac 2013.

<http://www.pemustaka.com/mengoptimalkan-perpustakaan-sebagai-wahana-bacaan-untuk-berbagai-lapisan-masyarakat.html>

<http://www.sinarharian.com.my/memperkasa-budaya-membaca-1.172845>

<http://www.dymocks.com.au/Booklovers/childrensreading.aspx>

<http://hendriansdiamond.blogspot.com/2012/02/budaya-membaca-dan-pengertiannya.html>

<http://www.bookstart.org.uk/usr/library/main/images/bookstart-in-japan.jpg>

<http://kelanakota.suarasurabaya.net/news/2013/121745-583-Koleksi-Buku-di-Perpustakaan-Terminal-Purabaya,-Bebas-Dibaca>

<http://www.sinarharian.com.my/mobile/rencana/memperkasa-budaya-membaca-1.172845>

[http://www.blogkursuspenulisan.com/2013\\_06\\_01\\_archive.html](http://www.blogkursuspenulisan.com/2013_06_01_archive.html)